**SIARAN MEDIA**
Untuk Siaran Segera

**Perlindungan Tanpa Sempadan: mySalam Perkukuh Jaringan Perlindungan di Pulau Tuba**

*Inisiatif yang menggabungkan perlindungan, literasi kewangan, kesihatan dan kebajikan dalam usaha meningkatkan kesejahteraan komuniti.*

**21 November 2026, Langkawi** – mySalam yang diuruskan sepenuhnya oleh Great Eastern Takaful Berhad terus memperkukuh usaha dalam memastikan masyarakat yang layak mendapat akses kepada perlindungan kewangan dan maklumat berkaitan manfaat skim menerusi penganjuran Karnival 3K Pulau Tuba, Langkawi, yang membawa tiga teras utama iaitu Kewangan, Kesihatan dan Kebajikan kepada komuniti setempat.

Program yang berlangsung di Pulau Tuba ini mencerminkan komitmen mySalam untuk mendekati masyarakat termasuk mereka yang tinggal di kawasan pulau dan lokasi yang jauh daripada pusat bandar, sekali gus memastikan faktor geografi tidak menjadi penghalang kepada komuniti untuk mengetahui dan mendapatkan manfaat perlindungan yang disediakan.

Karnival 3K tersebut turut memberi penekanan kepada aspek literasi kewangan dan kesejahteraan komuniti. Antara pengisian program ialah sesi taklimat, BijakWang Amazing Race, reruai berkaitan kewangan serta pemeriksaan kesihatan percuma.

En. Syuhaib Ithnin, Ketua Skim mySalam di Great Eastern Takaful, berkata, “mySalam diwujudkan untuk memastikan golongan yang layak mempunyai jaringan perlindungan ketika berdepan saat yang mencabar. Sebab itu, usaha kami tidak terhenti pada menyediakan manfaat semata-mata. Kami mahu memastikan masyarakat tahu, faham dan dapat mengakses manfaat yang tersedia untuk mereka, termasuk komuniti yang berdepan kekangan maklumat akibat faktor lokasi.

Kehadiran kami di Pulau Tuba mencerminkan komitmen ini. Tidak kira di mana mereka berada sama ada di bandar, kawasan pedalaman atau kepulauan, lokasi tidak seharusnya menjadi penghalang kepada akses terhadap perlindungan. Matlamat kami adalah untuk merapatkan jurang antara kelayakan dan tuntutan manfaat, agar mySalam benar-benar dapat membantu meringankan beban kewangan apabila berlaku penyakit kritikal atau kemasukan ke hospital,” katanya.

Karnival tersebut turut dihadiri oleh YBhg. Tan Sri Johan Mahmood Merican, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan Malaysia, YBhg. Datuk Seri Haji Iskandar bin Datuk Haji Mohd Kaus, Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), En. Hasri Hamidan, Ketua Pegawai Operasi Persatuan Takaful Malaysia (MTA) serta En. Mohd Fadzlan bin Nor, Pengerusi KOPTUBAS.

Sebagai sebahagian daripada usaha meningkatkan pendedahan mengenai pengurusan kewangan sejak usia muda, pihak Great Eastern Takaful turut membawakan inisiatif

literasi kewangan khas untuk kanak-kanak dan remaja. Inisiatif tersebut memberi pendedahan awal mengenai kepentingan mengurus kewangan secara bijak dan membina tabiat kewangan yang baik untuk masa hadapan.

Sempena karnival tersebut juga, sebanyak 400 bakul makanan disumbangkan kepada penduduk Pulau Tuba oleh pihak mySalam, Great Eastern Takaful, Persatuan Takaful Malaysia (MTA) dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) selain sumbangan kelengkapan persekolahan. Sebanyak 400 beg sekolah telah diserahkan kepada para pelajar daripada komuniti setempat, termasuk 300 beg sekolah berserta bekas makanan, botol air dan alat tulis yang telah disumbangkan oleh pihak Great Eastern Takaful. Sumbangan ini melengkapkan pendekatan Karnival 3K yang bukan sahaja mengetengahkan aspek perlindungan kewangan dan kesihatan, tetapi turut mengambil kira keperluan kebajikan masyarakat.

Elemen kelestarian turut menjadi sebahagian daripada pengisian program menerusi aktiviti penanaman karang bersama UiTM, yang membawa mesej bahawa usaha membina masa hadapan yang lebih mampan memerlukan komitmen jangka panjang. Seperti penjagaan dan pemuliharaan karang yang memerlukan masa, perhatian dan usaha berterusan, membina kedudukan kewangan yang lebih kukuh turut memerlukan disiplin, konsistensi dan amalan menabung secara berterusan.

Menerusi pendekatan menyeluruh yang merangkumi aspek kewangan, kesihatan, kebajikan dan kelestarian, Karnival 3K Pulau Tuba menjadi platform untuk mendekatkan perlindungan dan pendidikan kepada komuniti, di samping meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan persediaan kewangan dalam menghadapi cabaran kehidupan.

mySalam merupakan skim perlindungan takaful percuma Kerajaan yang menyediakan perlindungan kepada golongan yang memenuhi syarat kelayakan tanpa sebarang bayaran caruman oleh penerima. Antara manfaat yang disediakan ialah bayaran RM8,000 sekali seumur hidup bagi salah satu daripada 50 penyakit kritikal yang dilindungi serta manfaat hospitalisasi sebanyak RM50 sehari sehingga maksimum 14 hari atau RM700 setahun, tertakluk kepada kelayakan serta terma dan syarat skim.

Sehingga 30 Oktober 2026, lebih dua juta penerima telah menerima manfaat mySalam dengan jumlah bayaran tuntutan melebihi RM1.58 bilion, mencerminkan peranan skim tersebut sebagai salah satu jaringan perlindungan kewangan kepada golongan yang memerlukan.

Orang ramai juga boleh mendapatkan bantuan secara langsung di kiosk mySalam yang beroperasi di hospital kerajaan bagi memudahkan urusan tuntutan. Maklumat lanjut mengenai skim berkenaan boleh diperoleh menerusi laman sesawang rasmi www.mysalam.com.my.

**-TAMAT-**

**MENGENAI GREAT EASTERN TAKAFUL BERHAD**

Great Eastern Takaful Berhad adalah syarikat usaha sama antara i Great Capital Holdings Sdn Bhd (i-Great), anak syarikat Great Eastern Holdings Limited dan Koperasi Angkatan Tentera (M) Berhad. Sejak ditubuhkan pada tahun 2010, Great Eastern Takaful komited dalam menyediakan produk perlindungan takaful keluarga komprehensif yang memberi perlindungan kesihatan dan kewangan

patuh syariah dalam usahanya untuk merapatkan jurang perlindungan di kalangan rakyat Malaysia, termasuk kumpulan berpendapatan rendah (B40). Menzahirkan pendekatan Takaful untuk Semua, operasi perniagaan GETB disokong oleh pelbagai saluran pengedaran, rakan perniagaan korporat dan perbankan untuk terus mengukuhkan kedudukannya dalam industri dan memenuhi keperluan perlindungan para pelanggan.

Melangkaui operasi perniagaan, Great Eastern Takaful juga giat menjalankan pelbagai inisiatif tanggungjawab sosial yang memfokuskan teras tanggungjawab sosialnya – Financial Literacy (Great-Pintar) dan Meningkatkan Kualiti Hidup (Great-Care) demi kesejahteraan masyarakat.

Aspirasi Great Eastern Takaful untuk mencapai kejayaan bersama rakyat Malaysia adalah terbukti melalui pelbagai anugerah dan pengiktirafan tempatan dan antarabangsa. Antara pengiktirafan terkini adalah "Most Valuable Brand – Takaful Solutions" oleh The BrandLaureate BestBrands Awards, "Penyedia Penyelesaian Takaful Terbaik" oleh Global Islamic Finance Awards (GIFA) serta pelbagai anugerah Takaful Star Awards oleh Persatuan Takaful Malaysia pada tahun 2023. Tahun 2024 menyaksikan Great Eastern Takaful diperakui sebagai "Majikan Terbaik" oleh Anugerah Majikan Terbaik Kincentric, dianugerahkan sebagai "Penyedia Penyelesaian Takaful Terbaik" oleh Global Islamic Finance Awards (GIFA), diiktiraf dengan "Anugerah Inisiatif – Upcycling" oleh ESGBusiness Awards di samping menerima beberapa anugerah lain daripada HR Excellence Awards 2024. Pada tahun 2025, Great Eastern Takaful sekali lagi dinobatkan sebagai Pengendali Takaful Terbaik oleh The BrandLaureate BestBrands Awards selain memenangi tiga anugerah daripada HR Excellence Awards 2025. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.greateasterntakaful.com . Great Eastern Takaful juga merupakan ahli PIDM.

Pihak Kerajaan juga telah melantik Great Eastern Takaful sebagai pengurus skim mySalam, yang merupakan skim perlindungan kesihatan nasional yang dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

**Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:**

Mastura Abd Rahim
Penolong Naib Presiden – Penjenamaan & Komunikasi Korporat
Great Eastern Takaful Berhad
Tel: +6016 - 209 234
E-mel: MasturaAbdRahim@greateasterntakaful.com